



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar pada jam 7.00 petang ini menunjukkan satu (1) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, lima puluh enam (55) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana, **sepuluh (10) kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini, iaitu:**

- 1) Sungai Petani, KEDAH (IPU – 106)
- 2) Sri Aman, SARAWAK (IPU - 157)
- 3) IPD Serian, SARAWAK (IPU - 157)
- 4) Cheras, W.P. KUALA LUMPUR (IPU - 156)
- 5) Johan Setia, SELANGOR (IPU - 153)
- 6) Nilai, NEGERI SEMBILAN (IPU - 138)
- 7) Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA (IPU - 127)
- 8) Shah Alam, SELANGOR (IPU - 127)
- 9) Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR (IPU - 114)
- 10) Seremban, NEGERI SEMBILAN (IPU - 110)

Kualiti udara dalam negara pada hari ini didapati merosot dengan beberapa kawasan di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Sembilan dan Sarawak merekodkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat, yang dipengaruhi oleh pergerakan asap jerebu dari pelbagai arah.

Berdasarkan laporan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura pada **27 Ogos 2026**, imej satelit **National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)-20** mengesan sebanyak **520 titik panas**

(hotspot) di Kalimantan, 176 titik panas di Sumatera dan 3 titik panas di dalam negara, iaitu 1 di Terengganu, 1 di Johor dan 1 di Sarawak. Berbanding hari sebelumnya, bilangan titik panas di Kalimantan meningkat sebanyak 254 titik, daripada 266 kepada 520, manakala di Sumatera meningkat sebanyak 12 titik, daripada 164 kepada 176.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) pada 27 Ogos 2026 menunjukkan keadaan cuaca kering berlaku di kebanyakan kawasan di rantau ASEAN selatan, kecuali di bahagian timur laut Borneo yang menerima hujan. Titik panas terpencil hingga bertaburan dikesan di rantau ASEAN selatan.

Kepulan asap rentas sempadan sederhana hingga tebal diperhatikan berpunca daripada kelompok titik panas di Kalimantan Barat dan bergerak ke arah utara menuju bahagian barat Sarawak. Kepulan asap sederhana hingga tebal turut diperhatikan berpunca daripada titik panas di beberapa kawasan di Kalimantan serta bahagian tengah dan selatan Sumatera. Beberapa stesen pengawasan kualiti udara di Kalimantan Barat dan Kalimantan Selatan, bahagian tengah dan selatan Sumatera serta bahagian barat Sarawak merekodkan status kualiti udara pada tahap tidak sihat. Berdasarkan pemantauan, penilaian, dan ramalan ASMC berkenaan situasi cuaca dan jerebu serta seperti yang dipandu oleh SOP MAJER ASEAN, Sekretariat ASEAN telah mengaktifkan TAHAP AMARAN 3 bagi rantau selatan ASEAN.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <https://eqms.doe.gov.my/APIMS/main> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyJAS EQMS di 'Google Play' atau 'App Store';

**HAJAH AZURI AZIZAH BINTI HAJI SAEDON
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
27 OGOS 2026**



Peta Jerebu Serantau Yang Dikeluarkan Oleh ASMC Pada 27 Ogos 2026

